

# SEPULUH TAHUN PENUH KECEMERLANGAN

UM 15 OCT 1990

Dekad 80-an adalah satu dekad kemajuan yang penuh kecemerlangan. Banyak pembangunan dan kemajuan yang dicapai adalah di luar dugaan. Segala kejayaan dan kemajuan ini sering menjadi kebanggaan negara dan dianggap sebagai cahaya pendorong ke arah masa depan yang lebih gemilang.

Demi mengekalkan prestasi kemajuan nasional yang berterusan, negara memerlukan pimpinan seorang negarawan unggul yang dapat menyemai sifat bertanggung jawab di kalangan rakyat di seluruh negara dan membawa Malaysia menempuh dekad lebih cemerlang sekurang-kurangnya untuk sepuluh tahun yang akan datang.

Justeru ini, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil keputusan untuk mengajak rakyat Malaysia memandang masa depan dengan perasaan lebih bertanggung jawab dan berani...

"Saya berbangga dengan semangat dan usaha keras yang telah tuan-tuan tunjukkan di dalam menghadapi persaingan. Sekarang kita lebih dikenali dan dihormati oleh dunia. Tetapi kita tidak seharusnya berpuas hati di setakat ini sahaja. Marilah bersama-sama kita meneruskan usaha dengan berani demi memastikan kestabilan dan kemajuan gemilang akan dinikmati oleh anak cucu kita nanti."

*(Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, 1hb Ogos, 1990)*